



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012
PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.***
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i) dan BahagianA(ii).** Anda dikehendaki menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut. **Bahagian B dan Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D.***

Kertas ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A (i) : Ringkasan

[20 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha meningkatkan semangat patriotisme dan perpaduan kaum di negara kita**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Semangat cinta akan tanah air amat perlu dipupuk dalam diri setiap rakyat negara ini. Namun usaha ini bukanlah satu tugas yang mudah. Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 menuntut setiap rakyat berusaha mengukuhkan dan mengekalkan perpaduan. Hal ini kerana perpaduan menjadi benteng utama keselamatan negara pada masa hadapan.

Perpaduan dan semangat cinta akan negara mempunyai hubung kait dengan penghayatan falsafah Rukun Negara yang merupakan kunci keharmonian dan perpaduan negara. Namun perlu diingat, hal ini hanya dapat direalisasikan seandainya setiap warga Malaysia menghayati dan betul-betul memahami falsafah dan tujuan pembentukan Rukun Negara. Kini, masih banyak rakyat negara ini kurang memahami falsafah di sebalik Rukun Negara.

Pendedahan generasi muda terhadap sejarah negara kita berupaya membantu remaja kini memahami dan menyedari proses pembentukan negara berasaskan pelbagai kaum. Di samping itu, mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai pembelajaran wajib di sekolah untuk pelajar mengenal sejarah bangsa dan negara. Selain itu, penubuhan Kelab Rukun Negara di setiap sekolah ialah pelengkap kepada usaha kerajaan mempercepat penyatuan bangsa Malaysia yang selari dengan Gagasan 1 Malaysia.

Pembelajaran di sekolah juga membantu dalam pemupukan semangat perpaduan antara kaum selain penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan. Persoalannya, sejauh manakah bahasa Melayu didukung sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan? Halangan utama dalam usaha memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan masyarakat di negara ini ialah sistem pendidikan dan persekolahan yang berbeza-beza.

Selain itu, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah dilancarkan mampu membangun dan membentuk remaja yang akan menjadi benteng negara pada masa depan. Program yang membabitkan remaja pelbagai kaum ini bertujuan membantu remaja *membina personaliti* untuk cemerlang dalam akademik seterusnya mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara, selain memupuk semangat perpaduan yang kental dan bersatu padu sebagai satu bangsa Malaysia.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Tanah Tumpahnya Darahku',
Muhd Izhar Abu Samah, *Dewan Siswa*, Ogos 2011)

Bahagian A(ii) : Pemahaman

[10 markah]


Berdasarkan petikan **Bahagian A (i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat sendiri.

1. Beri maksud rangkai kata *membina personaliti* ? [2 markah]
2. Apakah kekangan yang dihadapi dalam usaha memupuk perpaduan kaum di negara kita? [4 markah]
3. Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya perpaduan tidak dapat dicapai? [4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk meningkatkan minat remaja terhadap permainan tradisional**. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



BAHAGIAN C

[40 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

1. Baru-baru ini anda telah terpilih menyertai Kem Bina Insan yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan Kaunseling di sekolah anda.
Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai kem itu.
2. Pertubuhan Sukarela merupakan satu persatuan atau organisasi yang melakukan sesuatu aktiviti kemasyarakatan secara sukarela.
Tulis sebuah rencana tentang kepentingan menyertai Pertubuhan Sukarela.
3. Kejayaan dalam bidang akademik dan kokurikulum melayakkan seseorang murid itu dinobatkan sebagai murid cemerlang.
Bincangkan faktor-faktor kejayaan murid cemerlang.
4. Kebersihan sungai adalah tanggungjawab kita bersama. Namun, masyarakat kini masih tidak mengambil peduli tentang pencemaran sungai yang semakin serius.
Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi pencemaran sungai.
5. Kata-kata hikmat *Bahasa Jiwa Bangsa* jelas menunjukkan bahawa sesuatu bangsa itu terkenal kerana mempunyai bahasa yang berdaulat.
Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

BAHAGIAN D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1 atau Tingkatan 3.

- (i) **Hikmah** karya Mohd Faris Ikmal
- (ii) **Istana Menanti** karya Abdul Latip Talib
- (iii) **Bukan Duniaku** karya Aida Shahira
- (iv) **Sukar Membawa Tuah** karya Suziana Che Will
- (v) **6.20** karya Siti Jasmina Ibrahim
- (vi) **Cempaka Putih Untukmu** karya Rohani Deraman
- (vii) **Merenang Gelora** karya Roslan Ngah

Berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji, huraikan **tiga** persoalan berserta dengan contoh yang sesuai bagi menggambarkan persoalan-persoalan tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT